



# Bendera, Lagu dan Jata sebagai Lambang Negeri

## Bendera



## Terengganu

- Latar belakang berwarna Putih maksudnya D.Y.M.M Sultan.
- Ia melingkungi Tanah Hitam yang bermakna Rakyat. Oleh itu bermakna Sultan adalah memberi perlindungan kepada seluruh rakyat Baginda.
- Anak Bulan dan Bintang tanda Agama Islam, agama Negeri

## Lagu

### Selamat Sultan



Allah Daulatkan  
Tuanku Sultan  
Terengganu Darul  
Iman  
Allah Peliharakan  
Tuanku Sultan  
Sejahtera  
Sepanjang Zaman  
Allah Rahmatkan  
Tuanku Sultan  
Memerintah Rakyat  
Aman

## Jata



- Simbol bulan dan sabit di atas meterai melambangkan aqidah Islam, membuktikan Terengganu sebuah negeri Islam.
- Meterai-terdiri daripada garis putus putus berbentuk bujur seperti perisai yang merangkumi hampir semua lambang kecuali bintang dan sabit di luarnya.
- Mahkota- terletak dekat bahagian atas, yang mewakili kedaulatan Sultan Terengganu
- Pedang, keris panjang dan sepasang majlis istiadat (pedang dan keris silang satu sama lain dan maces melintang di bawah) melambangkan perlengkapan kerajaan Terengganu.
- Selampai-melilit pedang atau keris di atas maces menandakan sebahagian peraturan budaya negara.
- Dua buah buku melambangkan The Book of Law dan sebuah lagi al Quran.

## Bendera



### Perlis

Bendera Negeri Perlis terdiri daripada gabungan dua buah warna. Pada jalur atas bendera menonjolkan warna kuning pada jalur bawah menonjolkan warna biru. Di Nusantara, warna kuning adalah warna tradisional untuk raja-raja. Jadi, jalur berwarna kuning mengambarkan simbol pemerintahan beraja yang terdapat di Perlis manakala jalur berwarna biru pula mengambarkan simbol rakyat jelata. Paduan warna ini menunjukkan hubungan erat antara "Raja dengan Rakyat".

## Lagu

### Aamiin-Aamiin



Amin, amin, ya  
Rabaljalil,  
Doa hamba yang  
sangat zalil,  
Tinggikan daulat  
serta adil,  
Kekal perintah  
Jamalullail

## Jata



Lingkaran padi pada lambang negeri Perlis membawa maksud pekerjaan utama dan hasil utama negeri iaitu padi. Perisai pula melambangkan kebanggaan dan kehormatan negeri itu. Lambang itu keseluruhannya bermakna kebanggaan negeri itu kerana kekayaan hasil padinya.



### Selangor

Bendera Negeri Selangor telah direka bentuk semasa Sultan Selangor yang keempat, Sultan Abdul Samad (1859-1898). Satu per empat bahagian bendera terdiri daripada warna kuning dan merah, manakala bulan dan bintang memberi erti negeri Islam dan lima pegangan utama. Kuning juga adalah melambangkan warna Diraja. Lima bucu bintang membawa erti mengucap dua kalimah syahadat, solat lima waktu sehari semalam, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan ramadan dan mengerjakan haji di Baitullah.

### Duli Yang Maha Mulia



Duli Yang Maha  
Mulia  
Selamat Di Atas  
Takhta  
Allah Lanjutkan  
Usia Tuanku  
Rakyat Mohon  
Restu  
Bawah Duli Tuanku  
Bahagia Selama-  
lamanya  
Aman Dan Sentosa  
Duli Yang Maha  
Mulia



Tulisan khat "Selangor" di bahagian atas dicipta dengan Lembing Sembuana di tengah-tengah membentuk puncak dan diapit oleh Keris Panjang Beruk Berayun di sebelah kiri manakala di sebelah kanan ialah Keris Terapang Gabus. Lembing dan kedua-dua keris merupakan di antara Alat-alat Kebesaran Negeri Selangor. Bulan Sabit dan Bintang Berbucu Lima berwarna kuning diterapkan pada lakaran tersebut. Tulisan khat "Dipelihara Allah" ialah Cogan Kata Negeri Selangor ditulis di bahagian bawah lakaran. Bengkung di bawah Cogan Kata merupakan pengikat Jata Negeri yang juga digunakan sebagai pengikat pinggang pahlawan-pahlawan zaman dahulu. Di bawahnya ialah Tali Batung yang merupakan salah satu senjata zaman dahulu. Reben kuning dengan tulisan "Selangor" merupakan dasar kepada reka bentuk lakaran keseluruhan Jata Negeri.

## Bendera



## Negeri Sembilan

Warna kuning pada bendera membawa maksud D.Y.M.M. Raja. Bahagian tiga segi yang berwarna merah bermakna rakyat, sementara bahagian tiga segi yang berwarna hitam maksudnya Datuk-datuk Undang bagi Luak-luak yang menjadi bahagian-bahagian negeri ini.

## Lagu

Berkatlah Yang di-Pertuan Besar




Berkatlah Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Kurniai sihat dan makmur,  
Kasihi rakyat, lanjutkan umur!  
Akan berkat sekalian yang setia,  
Musuhnya habis binasa!  
Berkatlah Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan

## Jata



Sembilan Tangkai Padi di dalam perisai bermaksud sembilan buah negeri dalam gabungan Negeri Sembilan yang lama. Warna Merah dalam perisai menunjukkan hubungan-hubungan pada masa lalu dengan British. Warna Hitam bermaksud Dato'-Dato' Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin. Warna kuning pula bermakna Yang Di-Pertuan Besar manakala Bintang Pecah Sembilan menunjukkan sembilan buah negeri dalam gabungan yang sama. Pedang dan sarung di atas perisai memberi maksud Tanda Keadilan serta di tengah jata antara pedang dan sarung terletak Changgai Putri tanda kebesaran Yang Di-Pertuan Besar.



## Johor

Warna putih pada anak bulan dan bintang menandakan Raja yang berdaulat. Simbol anak bulan dan bintang menunjukkan lambang Agama Islam yang menjadi agama rasmi negeri Johor.

Bahagian berwarna merah melambangkan keberanian dan ketabahan hulubalang dan pengikut Sultan Abu Bakar yang bersama-sama menerokai dan memajukan Johor.

Maksud warna biru tua (Navy Blue) yang dipadankan dari warna laut ialah kerajaan dan rakyat.

## Lagu Bangsa Johor



Allah peliharakan Sultan  
'Nugerahkan dia segala kehormatan  
Sihat dan ria, kekal  
dan makmur  
Luaskan kuasa  
menaungkan kami  
Rakyat dipimpini  
berzaman lagi  
Dengan merdeka  
bersatu hati  
Allah berkat Johor  
Allah selamatkan Sultan



- Mahkota tanda kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Empat bintang di sudut perisai putih itu menandakan empat jajahan asal negeri, iaitu Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Endau.
- Sementara bintang dan anak bulan di tengah pula melambangkan agama Islam. Dua ekor harimau melambangkan keberanian dan kekuatan.
- Lukisan yang berbunga-bunga di sebelah bawah perisai maksudnya gambir dan lada hitam, dua jenis hasil utama yang asal bagi negeri ini.
- Cogan bagi negeri Johor dalam tulisan Jawi adalah "Kepada Allah Berserah"

## Bendera



### Kelantan

- Bendera Kelantan yang berlatar belakang warna merah membawa maksud kejujuran raja, pembesar dan rakyat jelata manakala warna putih pula menandakan kesucian Sultan negeri Kelantan.
- Anak bulan dan bintang menandakan agama Islam sebagai agama rasmi negeri.
- Dua batang tombak dan dua bilah keris menandakan kekuatan dan kegagahan orang-orang Melayu negeri Kelantan.

## Lagu

### Selamat Sultan



Lanjutkan usia Al-Sultan kami  
Sultan Kelantan raja ikrami  
Aman sentosa  
Tuhan sirami  
Kekal memerintah kami  
Kasih dan taat setia disembahkan  
Keriangan diucapkan  
Segala kebesaran Allah cucurkan  
Bertambah kemuliaan

## Jata



- Mahkota itu tanda kedaulatan Sultan.
- Dua tombak dan dua keris maksudnya kekuatan orang-orang Melayu Kelantan.
- Anak Bulan dan Bintang adalah tanda Islam.
- Dua laras meriam itu maknanya bahawa negeri ini adalah sentiasa bersedia.

### Perak



- Bendera Negeri Perak mengandungi tiga warna berjulur putih, kuning dan hitam. Ketiganya julur ini sama lebarnya.
- Warna putih melambangkan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.
- Warna kuning melambangkan kebesaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan.
- Warna hitam melambangkan kebesaran Duli Yang Maha Amat Mulia Raja Di Hilir Perak Darul Ridzuan.

### Allah Lanjutkan Usia Sultan



Dilanjutkan Allah usianya  
Sultan  
Adil dan murah  
Memerintah watan  
Ditaati rakyat  
Kiri dan kanan  
Iman yang soleh  
Allah kurniakan  
Allah berkat  
Perak Ridzuan  
Allah selamatkan  
Negeri dan Sultan



- Jata melambangkan Kedaulatan Raja Pemerintah.
- Bulan sabit melambangkan Agama Islam sebagai Agama Rasmi.
- Bunga padi menggambarkan sumber perusahaan rakyat dan kesuburan negeri.
- Negeri Perak Darul Ridzuan mengandungi Jata Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Jata ini dilingkungi dengan bulan sabit yang mengandungi bunga padi.

## Bendera



## Kedah

Bendera negeri memaparkan bulan sabit berwarna hijau di bawah perisai kuning dan dilingkungi oleh jambangan padi berwarna kuning di atas latar belakang merah. Merah adalah warna tradisional negeri dan juga melambangkan kemewahan, sementara bulan sabit adalah simbol agama Islam. Perisai melambangkan Sultan negeri sebagai pelindung dan penjaga rakyatnya.

## Lagu

Allah Selamatkan  
Sultan Mahkota



Allah Selamat  
Sultan Mahkota  
Berpanjangan Usia  
Di Atas Takhta  
Memeliha  
Agama Nabi Kita  
Negeri Kedah  
Serata-rata

## Jata



Jambangan yang terdiri daripada biji padi melambangkan komoditi pertanian utama negeri – beras. Bulan sabit melambangkan Islam sementara perisai melambangkan kekuasaan pemerintah.



## Pahang

Bendera negeri mengandungi dua warna iaitu putih di atas dan hitam di bahagian bawah. Warna putih melambangkan kedaulatan dan pemerintahan negeri meliputi perkara-perkara berkenaan adat resam, adat istiadat, undang-undang, tatasusila dan kuasa-kuasa seorang Sultan yang memerintah negeri ini. Manakala, warna hitam adalah warna kebesaran Bendahara pada masa lampau yang pernah memerintah negeri ini.

Allah Selamatkan  
Sultan Kami




Ya Allah Yang  
Maha Kuasa  
Lanjutkan Usia  
Duli Yang Maha  
Mulia  
Dirgahayu Darul  
Makmur  
Aman Dan Bahagia  
Sentiasa



Jata negeri terdiri daripada gabungan cogan, gading bersilang, cogan kata 'Ya Latiff' dan skrol tertulis nama Negeri Pahang. Mata cogan yang berbentuk daun kopi adalah simbolik kepada peristiwa kejayaan sewaktu menyusun perancangan untuk mengambil alih pemerintahan Kerajaan Pahang oleh Wan Ahmad (Sultan Ahmad) yang ketika itu dihidangkan air kopi. Gading gajah yang bersilang melambangkan kegagahan dan keperwiraan negeri ini. Gading gajah juga melambangkan istiadat. Memberi erti negeri yang mempunyai adat istiadat sempena gajah yang pada zaman dahulu digunakan sebagai kenderaan dalam istiadat Diraja. Huruf jawi yang mengapit cogan tersebut adalah perkataan 'Ya Latiff' yang bermaksud 'Allah Yang Maha Lembut' ini merujuk kepada pemerintahan Sultan yang berpaksikan kepada Agama Islam.

## Bendera



## Sabah

- Bendera negeri Sabah. Di sudut sebelah atas bendera berwarna biru cerah menjadi latar belakang lukisan Gunung Kinabalu berwarna biru tua meliputi suku bahagian bendera ini.
- Bahagian hujung bendera yang berkibar dihiasi tiga jalur yang sama besar. Jalur atas berwarna biru muda, jalur tengah berwarna putih dan jalur bawah berwarna merah cili.
- Warna biru muda melambangkan keamanan dan kesejahteraan, putih melambangkan kesucian dan keadilan, manakala merah cili melambangkan keberanian dan keyakinan. Warna biru cerah menunjukkan perpaduan dan kemakmuran sementara biru tua melambangkan kekuatan dan semangat kerjasama. Kelima-lima warna yang menghiasi bendera ini mewakili lima bahagian yang terkandung dalam Negeri Sabah. Lukisan grafik berbentuk Gunung Kinabalu pula melambangkan Kerajaan Negeri Sabah.

## Lagu

### Sabah Tanah Airku



Sabah tanah airku,  
Negeri kita yang  
tercinta  
Pemuda pemudi  
Semua marilah  
Bangunlah bersatu  
semua  
Marilah bersama  
serta maju jaya  
Merdeka  
sepanjang masa  
Bersatu segala  
bangsa sentosa  
Sabah negeri  
merdeka

## Jata



- Jata atau mohor Sabah versi terkini telah digunakan sejak 16 September 1988. Penerangan reka bentuk jata seperti berikut:[1]
  - Sepasang tangan yang menjulang megah memegang Bendera Sabah menghiasi lencana ini melambangkan semangat perpaduan erat dan kerjasama yang lama terjalin dalam kalangan rakyat pelbagai kaum demi mencapai kemajuan dan kejayaan bagi negeri Sabah.
  - Sebarisan lima warna berlainan di bawah sepasang tangan tersebut merupakan lima bahagian 'bahagian' yang terkandung dalam negeri Sabah.
    - Warna biru zirkon - melambangkan keamanan dan ketenteraman.
    - Warna biru salji - melambangkan perpaduan dan kemakmuran.
    - Warna biru nilakandi - melambangkan kekuatan dan semangat kerjasama.
    - Warna putih - melambangkan kemurnian dan keadilan.
    - Warna merah cili - melambangkan keberanian dan keyakinan.
  - Lukisan grafik berbentuk bayangan Gunung Kinabalu pula melambangkan Kerajaan Negeri Sabah. Di bahagian bawah jata ini, terdapat cogan kata negeri Sabah, iaitu "Sabah Maju Jaya".

## Bendera



## Sarawak

- Warna merah melambangkan keberanian, kesungguhan dan pengorbanan rakyat dalam daya usaha mereka yang berterusan untuk mengejar serta mempertahankan kemajuan dan ketinggian maruah dalam proses membina Sarawak sebagai negeri contoh. Warna kuning menggambarkan keagungan Perundangan dan Peraturan (Order), perpaduan serta kestabilan dalam masyarakat yang berbilang kaum.
- Warna hitam melambangkankekayaan sumber asli Sarawak seperti minyak mentah, balak dan sebagainya yang merupakan landasan bagi memajukan rakyatnya.
- Bintang pecah sembilan yang berwarna kuning melambangkan sembilan bahagian di mana rakyatnya tinggal dalam harmonis. Simbol bintang juga merupakan cita-cita tinggi rakyat dan hasrat perjuangan untuk meninggikan mutu kehidupan selepas merdeka.

## Lagu

### Ibu Pertiwi



## Jata



- Lambang negeri menjunjungkan kemegahan "Bumi Kenyalang", terbang tinggi dengan aspirasi dan pencapaian dalam semua lapangan daya usaha, berpandukan ideologi politik pembangunan.
- Lencana negeri ini juga boleh membezakan keunggulan Sarawak daripada negeri-negeri lain di dunia.

Sarawak Tanah  
Air Ku  
Negeri Ku Tanah  
Air Ku Sarawak  
Engkaulah Tanah  
Pusaka Ku  
Tanah Tumpah  
Darah Ku  
Ibu Pertiwi Ku  
Rakyat Hidup  
Mesra dan Bahagia  
Damai Muhibbah  
Sentiasa  
Bersatu Berusaha  
Berbakti  
Untuk Sarawak Ku  
Cintai  
Sarawak Dalam  
Malaysia  
Aman Makmur  
Rahmat Tuhan  
Maha Esa  
Kekallah Sarawak  
Bertuah  
Teras Perjuangan  
Rakyat  
Berjaya Berdaulat

## Bendera



## Melaka

- Sebelah kiri atas berwarna biru pekat dengan bulan sabit dan bintang pecah lima berwarna kuning. Sebelah kanan atas berwarna merah dan separuh bahagian bawah berwarna putih.
- Warna biru, kuning, merah dan putih yang terdapat pada bendera Melaka mencerminkan warna-warna yang terdapat pada bendera Malaysia (Jalur Gemilang). Ini menandakan Melaka sebagai sebuah negeri di Malaysia. Lambang bulan sabit dan bintang yang ada pula adalah simbol kepada agama Islam, agama rasmi negeri dan juga negara.

## Lagu

### Melaka Maju Jaya



Melaka negeri  
bersejarah  
Tempat Tumpah  
darah kita  
dijunjung dengan  
sepenuh jiwa  
untuk maju dan  
jaya  
Rakyat Melaka  
sudah bersatu  
padu  
Berikrar taat setia  
Jujur berkhidmat  
setiap masa  
Melaka maju jaya

## Jata



- Kelima-lima warna yang terdapat pada lambang negeri ini adalah warna-warna yang menunjukkan bahawa Melaka sebuah negeri di Malaysia. Lima bilah keris di dalam lambang tersebut melambangkan 5 orang pahlawan Melaka pada zaman silam yang terkenal dan berani: Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekiu, Hang Lekir dan Hang Kasturi. Bulan sabit dan bintang berpecah lima yang terdapat di atas tengah-tengahnya pula adalah simbol bahawa Agama Islam merupakan agama rasmi negeri tersebut.
- Di samping itu, terdapat juga pokok dan 2 ekor Pelanduk yang mengisahkan hikayat bagaimana Melaka diasaskan. Parameswara telah menyaksikan pergaduhan di antara seekor Pelanduk dengan seekor Anjing semasa baginda berehat di bawah pokok Melaka. Baginda berasa kagum dengan kekuatan dan kebijaksanaan pelanduk yang kecil itu. Walaupun kecil, pelanduk itu tetap gagah dan baginda akhirnya mengambil keputusan untuk mendirikan tempat tinggal di situ dan menamakannya bersemepena pokok Melaka tersebut.

## Bendera



## Pulau Pinang

Warna biru muda maksudnya warna laut yang indah di sekeliling pulau itu. Warna putih maksudnya Negeri Pulau Pinang yang aman damai. Warna Kuning tanda kemakmuran. Pohon Pinang ialah pohon dari mana pulau itu mendapat namanya.

## Lagu

### Untuk Negeri Kita



Selamat Tuhan kurniakan  
Selamat Pulau Pinang  
Negeriku yang mulia  
Kutaat dan setia  
Aman dan bahagia  
Majulah jayalah  
Negeriku yang kucinta  
Bersatu dan bersama  
Untuk negeri kita

## Jata



- Pohon Pinang ialah tanda asal nama pulau itu. Petak yang berwarna kuning mengandungi gambar Jambatan Besar Pulau Pinang yang mempunyai dua (2) tiang dan empat (4) kabel yang menegakkan tiang tersebut. Dua (2) tiang ini melambangkan Serampang Dua Mata di dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Empat (4) kabel pula melambangkan empat (4) jenis keturunan rakyat di negeri ini, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.
- Jalur-jalur biru dan putih yang menjadi simbol lautan berjumlah lima (5) tiap-tiap satu warna yang memberi makna simbol lima prinsip Rukun Negara dan lima daerah pentadbiran yang terdapat di Pulau Pinang.

## Bendera



### Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- Bendera ini berteraskan bendera kebangsaan yang berjulur putih dan merah.
- Warna biru tua bersama bintang serta bulan sabit berwarna kuning. Unsur-unsur ini tidak dapat dipisahkan memandangkan Kuala Lumpur adalah Ibu Negara Malaysia dan juga Wilayah Persekutuan. 14 jalur merah dan putih (melintang) menandakan keanggotaan.
- 13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terletak di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Bulan sabit dan bintang melambangkan Agama Islam sebagai agama rasmi. Bintang berbucu 14 melambangkan 13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bertindak sebagai Pusat Kerajaan dan pentadbiran.
- Warna biru tua di bahagian tengah melambangkan perpaduan warga kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berbilang kaum.
- Warna merah melambangkan keberanian, kegagahan sebuah bandaraya dalam menghadapi cabaran ke arah pembangunan bandaraya kosmopolitan yang dinamik dan berprogresif.
- Warna kuning melambangkan kedaulatan dan kemakmuran Kuala Lumpur.
- Warna putih melambangkan keluhuran, kebersihan dan keindahan bandaraya dalam taman bercahaya.

## Lagu

Maju dan Sejahtera



## Jata



## Bendera



## Wilayah Persekutuan Labuan

- Bendera ini mengandungi tiga jalur melintang yang sama lebar berwarna merah, putih dan biru dengan bulan bintang pecah empat belas berwarna kuning terletak di tengah bendera. Jalur-jalur merah, putih, biru dan bulan bintang berwarna kuning yang melambangkan warna Bendera Malaysia membawa makna Pulau Labuan adalah menjadi Wilayah Persekutuan di dalam Persekutuan Malaysia. Bulan Bintang bermakna Agama Islam sebagai agama rasmi dan bintang pecah empat belas menggambarkan negeri-negeri dan Kerajaan Persekutuan bersatu dalam Persekutuan Malaysia.
- Merah melambangkan keberanian bermakna Pulau Labuan adalah menjadi Wilayah Persekutuan di dalam Persekutuan Malaysia.
- Putih melambangkan kesucian, keikhlasan dan kesungguhan dalam mempertingkatkan ketahanan rakyat yang beradab, berkebudayaan dan berkeperibadian Malaysia.
- Biru melambangkan perpaduan rakyat berbilang kaum, hidup bersatu, aman makmur, hormati serta berusaha untuk memajukan pembangunan ekonomi yang berasaskan sains dan teknologi.
- Kuning melambangkan kedaulatan Raja Berperlembagaan serta mendokong dan menghormati lunas-lunas perlembagaan dan falsafah Rukun Negara.
- Bulan bintang berwarna kuning yang menjadi lambang keIslam dan Kedaulatan Raja Berperlembagaan yang terletak di tengah-tengah dan mencakupi ketiga-tiga jalur (merah, putih, biru) menampakkan kestabilan dan kekuatan di dalam menyatakan lambang-lambang keberanian, kesucian dan perpaduan.

## Lagu

### Maju dan Sejahtera



## Jata



## Bendera



### Wilayah Persekutuan Putrajaya

Bendera baru bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah berasaskan dua (2) warna utama, iaitu biru dan kuning. Warna biru melambangkan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa. Manakala warna kuning bendera adalah warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu. Logo Persekutuan melambangkan Wilayah Persekutuan Putrajaya menjadi tonggak pentadbiran negara yang baru dengan kekuatan dan semangat yang utuh dalam mengharungi era globalisasi dan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

## Lagu

### Maju dan Sejahtera



## Jata

